

Bil. S 27

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (BIL. 1), 2020

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Pindaan bab 35 dari Penggal 35

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (BIL. 1), 2020

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) (Bil. 1), 2020 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Januari 2014.

Pindaan bab 35 dari Penggal 35

2. Bab 35 dari Akta Cukai Pendapatan adalah dipinda —

(a) dalam ceraian (1) —

(i) dalam perenggan (e) —

(A) dengan memotong “dan tahun-tahun taksiran yang kemudiannya” dan menggantikannya dengan “hingga 2014”;

(B) dengan memotong koma dan menggantikannya dengan koma bernoktah;

(ii) dengan memasukkan sejurus selepas perenggan (e) perenggan baru yang berikut —

“(f) tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang kemudiannya ke atas pendapatan boleh cukai bagi setiap syarikat, cukai pada kadar 18.5 peratus,”;

(b) dalam ceraian (4) —

(i) dalam perenggan (a), dengan memotong “(tidak termasuk dividen Negara Brunei Darussalam)” dari baris kedua;

(ii) dalam perenggan (b), dengan memotong “(tidak termasuk dividen Negara Brunei Darussalam)” dari baris kedua;

(c) dalam cerai (5), dengan memotong “(tidak termasuk dividen Negara Brunei Darussalam)” di mana sahaja perkataan-perkataan itu terdapat dalam empat baris akhir;

(d) dengan memansuhkan cerai (6A) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut –

“(6A) (a) Kadar cukai di bawah cerai (1)(e) tidak boleh dikenakan kepada mana-mana bahagian pendapatan yang boleh dicukai bagi mana-mana syarikat yang dikaitkan dengan pendapatan yang diperolehi oleh syarikat itu pada atau sebelum 1hb Januari 2011 dan kadar cukai di bawah cerai (1)(d) hendaklah dikenakan kepada bahagian pendapatan yang boleh dicukai bagi syarikat itu.

(b) Kadar cukai di bawah cerai (1)(f) tidak boleh dikenakan kepada mana-mana bahagian pendapatan yang boleh dicukai bagi mana-mana syarikat yang dikaitkan dengan pendapatan yang diperolehi oleh syarikat itu pada atau sebelum 1hb Januari 2014 dan kadar cukai di bawah cerai (1)(e) hendaklah dikenakan kepada bahagian pendapatan yang boleh dicukai bagi syarikat itu.”;

(e) dalam cerai (7), dengan memotong takrifan “dividen Negara Brunei Darussalam”.

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1441 bersamaan dengan 8 haribulan Jun, 2020 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**